

PELAKSANAAN PROJEK PENYENGGARAAN JALAN LUAR  
BANDAR BAGI DAERAH GERIK, PERAK

NORHASMALIANA BINTI ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

*Untuk suami dan anak-anak tercinta  
Mohd Azani Bin Abdullah, Azra Sofia Arissa Binti Mohd Azani dan  
Amna Sofia Aisya binti Mohd Azani  
Terima kasih di atas pengorbanan, kasih-sayang, semangat serta doa  
yang dicurahkan tanpa henti,*

*Untuk emak dan adik-beradik yang dikasihi,  
Terima kasih di atas doa, sokongan serta bantuan yang dihulur,  
Untuk arwah abah yang dikasihi, kasih sayang untukmu tetap abadi  
Al-fatihah*

*Buat teman dan sahabat yang dihargai  
Terima kasih di atas segala sokongan, nasihat, galakan dan  
pertolongan yang selalu diberikan tanpa mengira masa dan ketika*

*Terima kasih atas segalanya,  
Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa kalian*

## PENGHARGAAN

### *Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*

Syukur alhamdulillah dipanjatkan kepada Allah s.w.t di atas kasih sayang serta limpah kurnia dan izinNya, penulis dapat menyiapkan kajian ini. Semoga kajian yang dihasilkan ini dapat memberi manfaat kepada kepada sesiapa sahaja yang membacanya samada sedikit ataupun banyak.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada penyelia iaitu Dr Robiah binti Suratman banyak memberi tunjuk ajar serta panduan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada Dr Salfarina binti Samsudin, Penyelaras Program Msc LAD sesi 2014/2016 serta pensyarah-pensyarah yang turut berbakti mencurahkan ilmu sepanjang pengajian seperti Prof Dr Megat Mohd Ghazali, Prof Madya Dr Mohammad Tahir Sabit, Dr Khadijah Ibrahim serta Encik Kamaruzaman Abdul Rasid.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pegawai dan kakitangan Bahagian Pembangunan Luar Bandar dan Bahagian Pengurusan Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik serta semua responden-responden yang terlibat kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam.

Juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberi bantuan dalam proses menyiapkan kajian *Pelaksanaan Projek Penyelenggaraan Jalan Luar Bandar Bagi Daerah Gerik*.

***Jun 2016***

## ABSTRAK

Projek pembangunan infrastruktur luar bandar adalah salah satu aspek pembangunan yang diutamakan oleh pihak Kerajaan dalam mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar. Projek menyenggara jalan luar bandar adalah salah satu projek pembangunan infrastruktur yang turut diberi penekanan. Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan Luar bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik adalah salah satu jabatan yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek menyenggara jalan luar bandar. Pejabat Daerah dan Tanah Gerik menerima sumber peruntukan dalam Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek yang telah diluluskan. Dalam melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan, terdapat projek-projek yang lewat siap. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji permasalahan yang dihadapi untuk menyiapkan projek-projek menyenggara jalan luar bandar. Kajian ini telah dijalankan melalui kaedah temubual ke atas responden iaitu pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Gerik melibatkan Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan Luar Bandar dan Unit Teknikal, Bahagian Pengurusan Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik. Hasil kajian mendapati punca projek menyenggara jalan luar bandar lewat siap adalah disebabkan faktor dalaman dan luaran iaitu melibatkan prosedur pelaksanaan tidak dipatuhi sepenuhnya, kurang pengetahuan mengenai pengurusan projek, kurang pengetahuan mengenai peraturan tanah, ruang kerja yang tidak selesa, perisian yang tidak terkini, kekurangan peralatan, sistem rekod aduan yang tidak teratur serta pertindihan kawasan serta peruntukan projek. Manakala faktor luaran pula adalah sikap tuan tanah dan waris, permasalahan kontraktor, penyenggaraan jalan melibatkan infrastruktur lain dan kesukaran mendapatkan pembekal tempatan. Oleh itu, beberapa cadangan penambahbaikan dikemukakan untuk membantu Bahagian PLB, PDT Gerik untuk menambahbaik proses pelaksanaan projek menyenggara jalan luar bandar iaitu menghantar kakitangan berkursus, memohon peruntukan untuk menaiktaraf bilik pelan, membeli peralatan GPS, menyediakan bank data projek, mewujudkan sistem aduan, mewujudkan hak lalu lalang Pentadbir Tanah dan melaksanakan penilaian prestasi kontraktor

## ABSTRACT

Rural infrastructure development project is one of the aspects prioritized by the Government in reducing the gap between urban and rural areas. The project maintains rural roads is one of the infrastructure projects that will be emphasized. Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB), Pejabat Daerah dan Tanah Gerik (PDT Gerik) is one of the departments that are responsible for implementing projects to maintain rural roads. PDT Gerik received resource allocation within the Federal Government and the State Government to implement approved projects. In implementing the projects that have been approved, there are projects that are delayed. Therefore, this study was undertaken to assess the problems faced to set up projects to maintain rural roads. The study was conducted through interviewing the respondents, the officers and staff of PDT Gerik involving Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB), and Unit Teknikal, Bahagian Pengurusan Tanah, PDT Gerik. The study found that the cause of maintaining rural roads projects delayed is due to internal and external factors. which involves performing procedures not fully observed, lack of knowledge about project management, lack of knowledge about the land rules, working space not conducive, the software that is not up to date, lack of equipment, the complaints records are not systematic and overlapping areas as well as the provisions of the project. While external factors is the attitude of the landowners and their heirs, the problem of contractors, road maintenance involving other infrastructure and difficulties in getting local suppliers. Therefore, some improvement proposals submitted to help the PLB, PDT Gerik to improve the process of project implementation maintain rural roads that send staff for courses, apply for funding to upgrade a planner's room, purchase GPS equipment, provide a data bank of projects, creating a system of complaints, creating Land Administrator right of way and implement performance evaluation of contractors.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>JUDUL TESIS</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Isu dan Penyataan Masalah	5
	1.3 Matlamat Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Skop Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.6.1 Bahagian Pembangunan Luar Bandar Pejabat Daerah dan Tanah Gerik	10

1.6.2	Pelanggan Bahagian Pembangunan Luar Bandar	10
1.6.3	Akademik	11
1.7	Metodologi Kajian	11
1.7.1	Peringkat Kajian Awalan	11
1.7.2	Peringkat Kajian Literatur	11
1.7.3	Peringkat Kajian Lapangan	12
1.7.4	Peringkat Analisis Data	13
1.7.5	Peringkat Penemuan Kajian	13
1.8	Susunatur Bab	14
1.9	Kesimpulan	15
<b>2</b>	<b>PROJEK PENYENGARAAN JALAN LUAR BANDAR</b>	<b>16</b>
2.1	Pengenalan	16
2.2	Latar Belakang	17
2.3	Projek-Projek Infrastruktur Luar Bandar	21
2.4	Proses Mendapatkan Peruntukan	21
2.5	Perolehan Kerajaan	22
2.6	Proses Pelaksanaan Projek PIA & PIAS, P.02 & MARRIS	25
2.7	Kepentingan Penyenggaraan Jalan	30
2.8	Isu / Permasalahan Berkaitan Jalan Luar Bandar	30
2.9	Kesimpulan	32
<b>3</b>	<b>KAWASAN KAJIAN</b>	<b>33</b>
3.1	Pengenalan	33
3.1.1	Ringkasan Profil Daerah Gerik	36
3.2	Latar Belakang Pentadbiran Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik	38
3.3	Visi, Misi dan Objektif Jabatan	39
3.4	Bahagian Pembangunan Luar Bandar	41
3.5	Pelaksanaan Projek Di Bahagian Pembangunan Luar Bandar	42

3.5.1	Proses Pelaksanaan Projek Melalui Kaedah Sebutharga, Undian dan Pemberian Terus	43
3.6	Proses Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek	46
3.6.1	Perincian Prosedur	48
3.6.2	Jumlah Panjang Jalan Yang Didaftarkan Mengikut Kampung	52
3.6.3	Jenis Dan Jumlah Peruntukan Yang Diterima	53
3.6.4	Jenis Dan Jumlah Projek Yang Dilaksanakan	56
3.7	Pencapaian Pelaksanaan Projek	58
3.8	Kesimpulan	60
<b>4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	<b>61</b>
4.1	Pengenalan	61
4.2	Kaedah Pengumpulan Data	61
4.2.1	Pemerhatian	62
4.2.2	Temubual	63
4.3	Kaedah Pembentukan Soalan Tembual	65
4.4	Kaedah Analisis	66
4.5	Analisis Kajian	66
4.5.1	Faktor Dalaman	67
4.5.1.1	Pertindihan Kawasan dan Peruntukan Projek	69
4.5.1.2	Kekurangan Peralatan	69
4.5.1.3	Kurang Pengetahuan Mengenai Pengurusan Projek	70
4.5.1.4	Rekod Aduan Yang Tidak Teratur	71
4.5.1.5	Kurang Pengetahuan Mengenai Peraturan Tanah	72
4.5.1.6	Prosedur Pelaksanaan Tidak Dipatuhi Sepenuhnya	72
4.5.1.7	Ruang Kerja Yang Tidak Selesa	73



	4.5.1.8 Perisian Yang Tidak Terkini	74
	4.5.2 Faktor Luaran	75
	4.5.2.1 Permasalahan Kontraktor	75
	4.5.2.2 Sikap Tuan Tanah dan Waris	76
	4.5.2.3 Penyenggaraan Jalan Di Atas Tanah Yang Mempunyai Infrastruktur Agensi Lain	80
	4.5.2.4 Kesukaran Untuk Mendapatkan Pembekal Tempatan	81
	4.6 Kesan Kepada Kelewatan	82
	4.7 Kesimpulan	83
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>84</b>
	5.1 Pengenalan	84
	5.2 Pencapaian Objektif Kajian	85
	5.3 Cadangan Penambahbaikan	88
	5.3.1 Menghantar Kakitangan Menghadiri Kursus	88
	5.3.2 Memohon Peruntukan Menaiktaraf Bilik Pelukis Pelan	88
	5.3.3 Membeli Alatan GPS	89
	5.3.4 Menyediakan Bank Data Projek	90
	5.5.5 Mewujudkan Sistem Aduan	91
	5.5.6 Mewujudkan Hak Lalu Lalang Pentadbir Tanah	92
	5.5.7 Melaksanakan Penilaian Prestasi Kontraktor	92
	5.4 Limitasi Kajian	94
	5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	95
	5.6 Kesimpulan	96
	<b>Rujukan</b>	<b>97</b>
	<b>Lampiran A - C</b>	<b>99 - 109</b>

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
3.1	Profil Asas Daerah Gerik	36
3.2	Senarai Kampung Dan Panjang Jalan Yang Didaftarkan Di Dalam Sistem MARRIS online	52
3.3	Jenis Dan Jumlah Peruntukan Yang Diterima	53
3.4	Jenis Projek Dan Pecahan Peruntukan Bagi Tahun 2014	56
3.5	Jenis Projek Dan Pecahan Peruntukan Bagi Tahun 2015	57
3.6	Jumlah Projek Yang Siap Dalam Tempoh Dan Siap Melebihi Tempoh	59
4.1	Senarai Responden Yang Terdiri Daripada Pegawai Dan Kakitangan Bahagian Pembangunan Luar Bandar Serta Pejabat Tanah	64
4.2	Faktor Dalaman Yang Menyebabkan Kelewatan Siap Projek	68
4.3	Faktor Luaran Yang Menyebabkan Kelewatan Siap Projek	75

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar	19
2.2	Contoh Jalan Luar Bandar	20
2.3	Tatacara Perolehan Projek PIA & PIAS	25
2.4	Proses Penyaluran Peruntukan MARRIS	27
2.5	Sistem Pendaftaran MARRIS Online	28
2.6	Sistem Pendaftaran MARRIS Online	29
3.1	Peta Negeri Perak	34
3.2	Peta Daerah Hulu Perak Mengikut Mukim	35
3.3	Carta Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah Gerik	38
3.4	Pejabat Daerah dan Tanah Gerik	40
3.5	Struktur Organisasi Di Bahagian Pembangunan Luar Bandar	41
3.6	Proses Permohonan Peruntukan Untuk Projek-Projek Infrastruktur Luar Bandar	43
3.7	Proses Pelaksanaan Projek Mengikut Kaedah Perolehan Sebutharga	44
3.8	Proses Pelaksanaan Projek Mengikut Kaedah Perolehan Undian	45

3.9	Proses Pelaksanaan Projek Mengikut Kaedah Perolehan Pemberian Terus	46
3.10	Proses Pelaksanaan dan Pemantauan Projek	47
3.11	Graf Menunjukkan Jumlah Dan Jenis-Jenis Projek Yang Dilaksanakan Bagi Tahun 2014	56
3.12	Graf Menunjukkan Jumlah Dan Jenis-Jenis Projek Yang Dilaksanakan Bagi Tahun 2015	57
3.13	Peratusan Projek Yang Siap Dalam Tempoh Dan Siap Melebihi Tempoh Bagi Tahun 2014	59
3.14	Peratusan Projek Yang Siap Dalam Tempoh Dan Siap Melebihi Tempoh Bagi Tahun 2015	59
42		
4.1	Pecahan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja	67
4.2	Fail Aduan Pelbagai	71
4.3	Keadaan Bilik Pelan	74
4.4	Gambar Jalan Rosak Akibat Banjir Di Kampung Tanjung Kala, Gerik	77
4.5	Lot 3862, Jalan Air Betek, Kampung Tanjung Kala Gerik	78
4.6	Jalan Toman, Kampung Rancangan Merah	79
4.7	Pelan Lot Yang Telibat Di Jalan Toman, Kampung Rancangan Merah	79
4.8	Pili Air (LAP) Yang Terletak Di Atas Jalan	81
5.1	Gambar Bilik Pelukis Pelan Pejabat Tanah Gerik	89
5.2	Sistem Penjejakan Aduan Oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Perak	91
5.3	Aplikasi iMonitor Melalui Telefon Pintar	94

**SENARAI SINGKATAN**

ICU	-	Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
UPEN	-	Unit Perancang Ekonomi Negeri
PIA	-	Projek Infrastruktur Awam
PIAS	-	Projek Infrastruktur Asas
KKLW	-	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
MARRIS	-	Malaysia Road Record Information System
GPS	-	Global Positioning System
KPPD	-	Ketua Penolong Pegawai Daerah
PJ	-	Penolong Jurutera
PT(W)	-	Pembantu Tadbir Kewangan
KPT	-	Ketua Pembantu Tadbir
PPD	-	Penolong Pegawai Daerah
PT (P/O)	-	Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi
ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
ISO	-	International Organization For Standardization
BQ	-	Bill Of Quantities
JKH	-	Jadual Kadar Harga
LAP	-	Lembaga Air Perak
TNB	-	Tenaga Nasional Berhad

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
A	Senarai Semak Temubual Dalam Kajian Pelaksanaan Projek Menyenggara Jalan Luar Bandar Bagi Daerah Gerik	99
B	Laporan Pelaksanaan Projek Peruntukan Negeri dan Persekutuan Tahun 2015 dan 2014	105
C	Senarai Kampung Dan Panjang Jalan Di Daerah Hulu Perak Mengikut Pendaftaran Di Dalam Sistem MARRIS Online	107

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pembangunan infrastruktur luar bandar menjadi salah satu agenda penting bagi Kerajaan dalam menyeimbangkan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Pada tahun 2014, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan sebanyak RM46.5 billion bagi peruntukan pembangunan termasuklah pembangunan luar bandar. Ianya adalah berdasarkan lima teras utama Rancangan Malaysia ke-11 iaitu mempetingkatkan aktiviti ekonomi, menguatkan pengurusan fiskal, mengungguli modal insan, mempergiatkan pembangunan luar bandar dan bandar serta mensejahterakan kehidupan rakyat (Utusan Online, 25 Oktober 2015). Manakala bagi tahun 2015 sebanyak RM50.5 disediakan bagi perbelanjaan pembangunan dan peningkatan peruntukan sebanyak RM4 billion berbanding tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan amat prihatin terhadap keperluan pembangunan infrastruktur rakyat terutamanya penduduk di luar bandar. Ianya juga bagi memastikan penduduk di luar bandar menikmati kemudahan yang sama seperti yang telah dinikmati oleh penduduk di bandar. Selain itu, penyediaan infrastruktur di kawasan luar bandar seperti jalan-jalan kampung, surau, dewan orang ramai dan sebagainya membolehkan penduduk kampung dalam menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial dengan lebih baik. Pembinaan infrastruktur asas seperti jalan adalah amat penting bagi membolehkan penduduk di luar bandar menjalankan kehidupan harian

seperti mengangkut hasil pertanian mereka, menghubungkan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain serta memudahkan pergerakan dari suatu tempat ke tempat yang lain. Pembinaan infrastruktur luar bandar ini dapat dilaksanakan apabila pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan kepada Kementerian yang berkaitan dan juga Pejabat Daerah yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek. Pihak Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur luar bandar ini kebanyakannya melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Manakala di bawah Kerajaan Negeri pula, peruntukan tahunan pembangunan akan disalurkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Pihak ICU, JPM dan juga UPEN akan membuat pengagihan peruntukan kepada semua Pejabat Daerah untuk melaksanakan projek-projek pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur yang telah diluluskan. Bagi peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, peruntukan yang diterima setiap tahun adalah seperti peruntukan Projek Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS), peruntukan khas Perdana Menteri, Peruntukan Khas Timbalan Perdana Menteri serta Peruntukan Mesra Rakyat Ahli Parlimen. Semua peruntukan ini disalurkan melalui Unit Penyelarasan dan Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri cawangan Negeri Perak (ICU, Negeri Perak). Kerajaan Negeri juga setiap tahun menyediakan peruntukan untuk pelaksanaan projek bagi semua daerah yang dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu Peruntukan P.02 (peruntukan Menteri Besar), peruntukan khas Pegawai Daerah yang digunakan untuk tujuan kecemasan seperti membaiki jambatan rosak akibat banjir serta peruntukan untuk membaiki kuarters milik Kerajaan Negeri.

Antara projek-projek yang biasa dilaksanakan menggunakan peruntukan yang diberikan adalah membina jalan-jalan kampung, membina longkang, menaiktaraf ataupun menyelenggara jalan kampung, membina Dewan Orang Ramai, membaiki pusat aktiviti masyarakat seperti dewan terbuka, membina titi atau jambatan kecil, membaiki surau serta membina dataran kejut.



Di Pejabat Daerah, Unit Pembangunan Luar Bandar (Pembangunan Fizikal) bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menyiapkan projek yang telah diluluskan. Unit Pembangunan Luar Bandar perlu memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan, tidak melebihi peruntukan serta projek berkenaan siap dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Selain daripada melaksanakan projek mengikut peruntukan yang dinyatakan di atas, mulai tahun 2014, Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik telah menerima peruntukan daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak iaitu Peruntukan Kumpulan Wang Amanah MARRIS (Malaysia Road Rekod Information System). Kumpulan Wang Amanah MARRIS diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kewangan Negeri bagi menyelenggara jalan-jalan negeri. Pemberian peruntukan ini adalah selaras dengan Perkara 109(1) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini diberikan kepada semua daerah di dalam Negeri Perak untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kampung di daerah masing-masing. Peruntukan ini juga diberikan kepada pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Perak untuk menyelenggara jalan-jalan Negeri dan kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak untuk menyelenggara jalan-jalan pertanian.

Pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri komited dalam penyaluran peruntukan MARRIS ini kepada jabatan dan agensi yang berkaitan bagi memastikan jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung dan jalan pertanian dapat diselenggara dan dinaiktaraf mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan dapat memberi keselesaan kepada rakyat yang menggunakan jalan-jalan tersebut. Jalan-jalan negeri yang dinaiktaraf dan diselenggara oleh pihak Jabatan Kerja Raya adalah amat penting memandangkan jalan-jalan Negeri adalah jalan utama dan tinggi kadar penggunaannya. Kerja-kerja menaiktaraf dan penyelenggaraan seperti penurapan semula permukaan jalan dapat memberi keselesaan kepada pengguna dan dapat mengurangkan kadar kemalangan yang disebabkan oleh jalan berlubang dan sebagainya. Jalan-jalan kampung yang diselenggara dan dinaiktaraf oleh Bahagian Pembangunan Luar Bandar pula dapat memberi kemudahan yang lebih baik kepada penduduk kampung sebagai contoh jalan kampung sebelum ini mempunyai kelebaran 6 kaki dan apabila dinaiktaraf di bawah peruntukan MARRIS akan

menjadi 10 kaki. Ini akan memberi lebih keselesaan kepada penduduk kampung yang menggunakan jalan tersebut. Begitu juga dengan penyelenggaraan jalan pertanian yang dinaiktaraf oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran yang dapat memudahkan penduduk kampung dalam mengeluarkan hasil pertanian mereka seperti getah dan kelapa sawit.

Oleh yang demikian, secara ringkasnya untuk kerja-kerja membina, menyelenggara, menaiktaraf jalan kampung terdapat tiga saluran peruntukan yang diterima iaitu Peruntukan melalui pihak ICU, JPM, peruntukan Kerajaan Negeri melalui UPEN dan juga peruntukan MARRIS melalui Pejabat Kewangan Negeri yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah.

Dari segi pelaksanaan di peringkat daerah pula bermula daripada pengenalpastian projek-projek yang bersesuaian yang perlu dilaksanakan di setiap kampung di dalam berkenaan. Terdapat beberapa kaedah yang digunapakai oleh Pejabat Daerah dan Tanah untuk mengenalpasti projek-projek yang bersesuaian iaitu dengan meminta senarai permohonan projek yang diperlukan oleh setiap kampung daripada Ketua Kampung masing-masing, memohon bantuan daripada pihak Penghulu Mukim untuk mengenalpasti projek yang diperlukan, menerima senarai cadangan projek Ahli Yang Berhormat kawasan samada ADUN atau Ahli Parlimen, aduan daripada penduduk kampung mengenai kerosakan ataupun keperluan infrastruktur di kampung mereka serta apabila berlaku bencana alam yang menyebabkan kerosakan infrastruktur.

## 1.2 Isu dan Penyataan Masalah

Setiap tahun Setiap tahun pihak Pejabat Daerah dan Tanah menerima peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta peruntukan MARRIS oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek infastruktur luar bandar termasuk projek-projek menyenggara jalan luar bandar. Di bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Unit Penyelerasan dan Pelaksanaan (ICU, JPM) setiap tahun untuk disalurkan kepada Pejabat Daerah salah satunya adalah Peruntukan Projek Infrastruktur Asas dan Projek Infrastruktur Awam (PIA dan PIAS). Penyelenggaraan dan pembinaan jalan luar bandar diletakkan di bawah kategori Peruntukan Projek Infrastruktur Asas (PIAS). Bagi melaksanakan projek-projek di bawah peruntukan PIA dan PIAS ini Pejabat Daerah dan Tanah perlu melaksanakannya mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Program Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) yang telah disediakan oleh Perbendaharaan Malaysia serta pekeliling kewangan lain yang berkaitan. Manakala bagi projek di bawah peruntukan Kerajaan Negeri, bagi kajian ini difokuskan kepada peruntukan P.02 dan untuk pelaksanaannya, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik menggunakan Pekeliling Perbendaharaan sama seperti pelaksanaan bagi projek-projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan seperti 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP), yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Manakala bagi peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kerajaan untuk pelaksanaan projek penyelenggaraan jalan Negeri di bawah Kumpulan wang Amanah MARRIS tatacara perolehan juga menggunakan semua Pekeliling Perbendaharaan, namun pihak Kementerian Kewangan telah mengeluarkan satu Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri sebagai panduan kepada jabatan pelaksanaan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalandi bawah peruntukan MARRIS.

Untuk melaksanakan projek bagi ketiga-tiga peruntukan ini, Pejabat Daerah dan Tanah perlu mengikut kepada kaedah perolehan yang telah disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebagai panduan umum untuk perolehan dan

pelaksanaan projek. Namun, bagi pelaksanaan projek di bawah Peruntukan PIA dan PIAS dan juga penyenggaraan jalan MARRIS tatacara / panduan berasingan disediakan bagi memudahkan pelaksanaan projek oleh jabatan bertanggungjawab. Ianya bagi memastikan projek-projek dilaksanakan dapat dijalankan secara teratur, tidak mengalami sebarang masalah dan juga dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Dalam melaksanakan dan menyelesaikan projek-projek berdasarkan peruntukan yang diluluskan, Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik menghadapi beberapa masalah untuk menyiapkan projek menyenggara jalan luar bandar bagi Daerah Gerik memandangkan masih terdapat jalan – jalan yang dibina sebelum ini dan hendak disenggara masih lagi berstatus hakmilik. Masalah ini bukan hanya dihadapi oleh Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik malahan turut dihadapi oleh jabatan lain seperti Majlis Daerah Kuala Langat, seperti yang dinyatakan di dalam Minit Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat Bil 8/2014 yang menyatakan, Menteri Besar Negeri Selangor dalam ucapannya memohon Majlis Daerah / Perbandaran / Pejabat Daerah lain mengambil contoh bagaimana Pejabat Daerah Klang menjalankan usaha mengambillalih jalan-jalan kampung di atas tanah hakmilik persendirian di DUN Klang. Selain daripada itu isu projek di atas tanah hakmilik, masalah dalaman seperti kakitangan pelaksana tidak berpengalaman, masalah rekod dan sebagainya menyebabkan berlaku masalah dalam menyiapkan projek penyelenggaraan jalan luar bandar.

Isu-isu semasa pelaksanaan ini telah menyebabkan projek menyenggara lewat siap dan menyebabkan penduduk kampung mengalami kesukaran menjalankan aktiviti harian mereka. Ini adalah kerana jalan-jalan kampung adalah jalan perhubungan utama, jalan untuk mereka menjalankan kegiatan ekonomi dan sebagainya.

Sehubungan dengan isu-isu berkaitan jalan-jalan di atas tanah hakmilik persendirian ini perlu dikaji. Adakah garis panduan yang disediakan tidak betul-betul menyentuh isu dan permasalahan tanah ataupun permasalahan prosedur kerja dan juga masalah di rekod dan juga kefahaman kakitangan pelaksana seperti Penolong Jurutera Bahagian Pembangunan Luar Bandar mengenai perundangan tanah menyebabkan isu ini berlarutan. Bagi mendalami secara terperinci mengenai isu ini, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik dipilih sebagai kawasan kajian memandangkan Daerah Gerik di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Gerik yang terletak di kawasan luar bandar dan mempunyai banyak jalan kampung yang dibina di atas tanah hakmilik persendirian. Setelah dikenalpasti punca kepada masalah membina jalan kampung ini, cadangan penambahbaikan dapat dikenalpasti dan diharap dapat membantu pentadbiran daerah melaksanakan projek menyenggara jalan kampung dengan lebih baik pada masa akan datang.

### **1.3 Matlamat Kajian**

Kajian ini bermatlamat untuk meningkatkan prestasi kerja Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik khususnya dan semua Pejabat Daerah dan Tanah di Malaysia dalam melaksanakan projek menyenggara jalan luar bandar.

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dibuat berdasarkan tiga objektif yang telah dikenalpasti. Objektif-objektif berkenaan adalah seperti berikut:

- i) Mengkaji proses garis-garis panduan pelaksanaan projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan (PIA & PIAS), Kerajaan Negeri (P.02) dan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi Projek MARRIS
- ii) Mengenalpasti isu dan permasalahan yang timbul semasa pelaksanaan projek di bawah ketiga-tiga peruntukan sehingga menyebabkan projek lewat siap
- iii) Mencadangkan kaedah penambakan terhadap proses pelaksanaan projek bagi mengatasi isu dan permasalahan yang timbul

## **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian ini dibuat berlandaskan tiga objektif yang telah ditetapkan. Pertama sekali, kajian akan menjurus kepada proses kerja ataupun tatacara pelaksanaan projek fizikal luar Bandar yang digunapakai oleh Unit Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti proses pelaksanaan projek menyenggara projek fizikal luar bandar amnya dan kajian hanya akan memberi fokus kepada projek menyenggara jalan luar bandar. Melalui pendekatan pemahaman kepada proses kerja, konsep pembahagian peruntukan, kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan untuk penyelenggaraan serta melihat kepada projek yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2014 dan 2015 sahaja.

Garis panduan dan proses kerja pelaksanaan projek menyelenggara jalan luar bandar akan diberi tumpuan secara menyeluruh untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahannya.

Seterusnya kajian menjurus terhadap isu-isu yang timbul semasa pelaksanaan projek dibuat di mana masalah seperti proses kerja yang bersesuaian atau tidak. Isu-isu yang timbul sebelum projek dilaksanakan, semasa dilaksanakan dan selepas pelaksanaan juga akan dikenalpasti. Masalah ataupun isu yang ditimbulkan akan dikenalpasti daripada pihak-pihak yang berkaitan seperti kakitangan Unit Pembangunan Luar Bandar iaitu responden bagi kajian ini.

Manakala kawasan kajian pula akan difokuskan kepada Daerah Gerik dan tidak kepada Daerah Hulu Perak memandangkan Daerah Hulu Perak adalah amat besar dan mempunyai tiga pejabat pentadbiran. Secara amnya Daerah Hulu Perak mempunyai 60 kampung dan bagi skop kajian ini akan difokuskan kepada 32 buah kampung yang terletak di dalam Daerah Gerik.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti proses kerja yang digunapakai oleh Unit Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik dalam melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan luar bandar di bawah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui kumpulan wang amanah MARRIS. Kajian terhadap proses kerja ini perlu dibuat bagi mengenalpasti punca permasalahan yang timbul sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja penyelenggaraan dibuat. Ia juga amat penting bagi memastikan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian dapat dibuat bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik, mengelakkan berlakunya kerja penyelenggaraan lewat siap dan sebagainya. Cadangan yang diberikan juga diharapkan dapat memberi kebaikan kepada Unit Pembangunan Luar Bandar dalam melaksanakan kerja-kerja serta penduduk kampung dapat impak yang maksimum daripada pelaksanaan projek-projek berkenaan.

### **1.6.1 Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Gerik**

Kajian mengenai pelaksanaan projek jalan kampung di bawah ini akan melihat secara mendalam terhadap proses kerja yang digunapakai oleh Unit Pembangunan Luar Bandar dan daripada hasil dapatan kajian ini serta cadangan yang akan dikemukakan diharap agar pelaksanaan projek menyelenggara jalan kampung ini dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan mendapat impak yang maksimum kepada masyarakat setempat. Masalah-masalah seperti penentuan tapak bersama Ketua Kampung, ketidakpuasan hati tuan tanah dapat diselesaikan sebelum pelaksanaan projek dan dapat mengelakkan projek lewat siap dan sebagainya.

### **1.6.2 Pelanggan Bahagian Pembangunan Luar Bandar**

Pelanggan Bahagian Pembangunan Bandar yang terdiri daripada pihak kontraktor, Penghulu, Ketua Kampung serta penduduk kampung. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti kerja Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah di mana pihak kontraktor dapat melaksanakan projek menyelenggara jalan luar bandar dengan lebih cepat tanpa ada campurtangan daripada pihak tuan tanah dan projek dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Manakala bagi pihak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung pula, kajian ini diharapkan dapat membantu mereka menyelesaikan isu-isu berbangkit bagi jalan-jalan luar bandar yang berada di atas tanah hakmilik. Dengan adanya penyelesaian secara bersepadu, imej Pejabat Daerah dan Tanah akan meningkat di mata masyarakat.



### **1.6.3 Akademik**

Kajian pelaksanaan kerja penyelenggaraan jalan kampung ini diharap dapat menjadi bahan rujukan kepada sesiapa sahaja yang ingin membuat kajian berbentuk ilmiah samada dari segi menilai proses atau prosedur pelaksanaan kerja penyelenggaraan jalan kampung yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Luar Bandar. Selain daripada itu, kajian ini boleh digunapakai sebagai panduan dalam melihat aspek cabaran pelaksanaan projek penyelenggaraan jalan luar bandar ini kepada masyarakat luar bandar dari segi ekonomi, dan sosial.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Lima peringkat iaitu kajian awalan, kajian teoritikal, peringkat pengumpulan data, analisis kajian dan peringkat cadangan sebagai metodologi kajian yang digunapakai bagi kajian ini.

### **1.7.1 Peringkat Kajian Awalan**

Pada peringkat awalan kajian ini, objektif kajian, skop serta metodologi kajian perlu ditentukan.

### **1.7.2 Peringkat Kajian Literatur**

Pada peringkat kajian literatur, kajian terhadap kajian yang lepas dilaksanakan serta jurnal ilmiah yang berkaitan dengan pembangunan fizikal luar di

Malaysia dan seterusnya kajian terhadap prosedur pelaksanaan projek yang digunakan serta melihat kepada dokumentasi seperti aduan penduduk, Ketua Kampung, pihak kontraktor dan sebagainya.

Segala maklumat dan data yang diperolehi dikumpul dijadikan panduan dan rujukan dalam menyiapkan kajian ini. Keputusan kajian lepas dijadikan panduan kukuh dalam menyiapkan kajian ini.

### **1.7.3 Peringkat Kajian Lapangan**

Dua kaedah yang telah digunakan di dalam melaksanakan kajian peringkat lapangan. Kaedah berkenaan adalah temubual dan juga pemerhatian. Temubual dilaksanakan terhadap responden-responden yang telah dikenalpasti. Manakala kaedah pemerhatian digunakan untuk melihat proses pelaksanaan projek menyenggara jalan di kawasan kajian yang dipilih.

#### **i) Temubual**

Kaedah temubual dilakukan dengan beberapa responden yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Gerik. Proses temubual dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran sebenar proses kerja di tapak. Temubual bersama responden yang dipilih adalah penting untuk dilaksanakan bagi mendapatkan isu dan permasalahan sebenar pelaksanaan projek.

## ii) Borang temubual

Borang temubual dihasilkan berdasarkan objektif dan skop kajian yang telah ditetapkan. Borang temubual ini disediakan sebagai panduan kepada penulis dalam melaksanakan temubual bersama responden yang telah dipilih.

### 1.7.4 Peringkat Analisis Data

Di dalam peringkat analisis data, segala maklumat yang diperolehi dikelaskan dan dianalisa menggunakan *Microsoft Excel* untuk mendapatkan keputusan di dalam bentuk jadual dan graf. Analisis data dalam bentuk jadual dan graf akan memudahkan untuk menganalisa penemuan.

### 1.7.5 Peringkat Penemuan Kajian

Peringkat penemuan kajian dianalisa untuk mendapatkan rumusan kajian kepada proses kerja sediaada serta permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan projek menyenggara jalan luar bandar. Cadangan dan kaedah penyelesaian yang bersesuaian akan dikemukakan berpandukan kepada proses kerja sediaada dan masalah yang dihadapi oleh semasa pelaksanaan projek. Cadangan dan kajian lanjut turut dikemukakan di dalam peringkat penemuan kajian.

## 1.8 Susunatur Bab

**Bab 1** merupakan bab yang menerangkan secara am mengenai kajian yang akan dilaksanakan oleh penulis. Isi kandungan Bab 1 merangkumi isu dan pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metologi kajian, susunatur bab serta kesimpulan.

**Bab 2** akan membincangkan tentang kajian literatur dan kajian teoritikal. Di dalam bab ini diterangkan mengenai peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan (PIA & PIAS), Kerajaan Negeri (P.02) dan juga peruntukan Kumpulan Wang Amanah MARRIS. Ia juga menerangkan mengenai prosedur serta panduan pelaksanaan.

**Bab 3** menerangkan dengan lebih terperinci akan kawasan kajian yang dipilih iaitu kajian kes di Daerah Gerik, Perak yang akan merangkumi semua proses kerja pelaksanaan projek, analisa projek mengikut kategori serta pencapaian mengikut peratusan siap projek.

**Bab 4** Akan menyentuh mengenai kaedah kajian yang akan dijalankan seperti proses pengumpulan data dan dianalisis. Analisis kajian dibuat berdasarkan temubual yang telah dijalankan terhadap responden yang telah dipilih serta pemerhatian yang telah dijalankan ke tapak projek yang telah dipilih.

**Bab 5** Adalah analisis hasil daripada kajian. Hasil kajian diterangkan secara terperinci di dalam bab ini. Bab ini juga menghuraikan kesimpulan, rumusan dan cadangan secara umum keseluruhan kajian. Bab ini juga menjawab kesemua objektif kajian yang telah dikenalpasti di dalam Bab 1. Masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan serta kajian juga turut dimuatkan di dalam bab ini.

## 1.9 Kesimpulan

Kerja penyenggaraan jalan kampung yang dilaksanakan memberi banyak impak yang positif kepada penduduk di luar bandar. Jalan kampung yang dahulunya selorong yang sempit dan hanya boleh dilalui oleh sebuah kenderaan dalam satu masa telah dinaiktaraf dan dilebarkan menggunakan peruntukan – peruntukan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Ianya memberi banyak impak positif di mana segala urusan harian penduduk kampung dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Memandangkan majoriti penduduk di luar bandar menyara kehidupan melalui sektor pertanian seperti menoreh getah, maka penyelenggaraan jalan-jalan yang dibuat memudahkan lagi mereka untuk mengeluarkan hasil pertanian. Ia juga boleh menggalakkan golongan belia untuk turut bekerja di dalam sektor ini. Oleh yang demikian, penambahbaikan dalam proses pelaksanaan kerja, penyelesaian masalah-masalah semasa pelaksanaan projek juga dapat menyumbang peningkatan tahap pengurusan projek sekaligus dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Ianya juga dapat memberi gambaran yang lebih baik kepada Jabatan Kerajaan di mata rakyat. Selain itu, ia juga dapat mengurangkan jurang pembangunan fizikal di antara kawasan bandar dan luar bandar.

## RUJUKAN

- Mohd Norulamin bin Ahmad (2013). *Kajian Pembangunan Yang Tidak Terancang Di Dalam Kawasan Pihak Berkuasa* Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana
- Azali bin Haji Ismail (1985), *Pembangunan Infrastruktur Koordinasi Dan Masalah Di Peringkat Tempatan Kajian Kes Bandar Kelang*. Universiti Teknologi MARA. Tesis Diploma Lanjutan,
- Miskam, Nurasyikin and Shafii, Haryati (2013) *Tranformasi Pembangunan Luar Bandar : Kesan Ke Atas Kehidupan Masyarakat*, Universiti Tun Hussien Onn, Kertas Kerja Persidangan Geografi dan Alam Sekitar, 5-6 Mei 2013, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
- Noraniza Binti Yusoff , Azlizan Talib Yusuf Pon (2011), *Impak Pembangunan Infrastruktur ke atas Pembangunan Komuniti Penduduk di Daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, Malaysia*, Journal Of Governance and Development, Universiti Utara Malaysia
- W. Hashim (1976) *Struktur Ekonomi Moden Dan Perubahan Sistem Nilai Masyarakat Melayu Luar Bandar, Kajian : Sebuah Kampung Melayu Di Hulu Perak*, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norhasnisha binti Hashim (2013) *Strategi Penambahbaikan Proses Pelupusan Tanah Melalui Pemberilikan Tanah Kerajaan Di Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh*, Universiti Teknologi Malaysia, Tesis Sarjana
- Abdullah Musa (2012) – Slide Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah 2010
- Dominique van de Walle (2000), *Choosing Rural Road Investment To Help Reduce Poverty*, World Bank, Policy Research Paper
- Talib Ria Jaafar, Mohd Faizar Mustafa, Sutiman Kemin, Ramli Kasiran, (2003) *Kemalangan Jalan Raya : Analisis Data Membabitkan Pengguna Motosikal*, Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia
- Hashem R. Al-Maseid (1997), *Impact of Pavement Condition On Rural Road Accident*, Canadian Journal Of Civil Engineering
- ILBS Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) International Law Book Services

## LAMAMAN WEB

- Pejabat Pembangunan Persektuan Negeri Perak (2016), Prosedur Pelaksanaan Projek PIA & PIAS diakses melalui laman web [www.prk.icu.gov.my](http://www.prk.icu.gov.my) -
- Majlis Daerah Kuala Langat (2016), Minit Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat Bil 8/2014 diakses melalui laman web [www.mdkl.gov.my](http://www.mdkl.gov.my)
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (2016), Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar diakses melalui laman web [www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)
- Malaysia Road record Information System (MARRIS) (2016) diakses melalui laman web <https://marris.gov.my/index>
- Kementerian Kewangan Malaysia (2016) 1 Pekeliling Perbendaharaan diakses melalui laman web <http://1pp.treasury.gov.my/>
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2016) Dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas diakses melalui laman web [www.epu.gov.my](http://www.epu.gov.my) -
- Pejabat Kewangan Negeri Perak (2016) Garis Panduan MARRIS dan Surat Ikatan Amanah MARRIS diakses melalui laman web <http://kewangan.perak.gov.my/>
- [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), - BN Janji Selesai Masalah Jalan Alor Mengkudu (26 Mac 2013) ,
- [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my) - Jalan Rosak Undang Bahaya (21 Julai 2015), Jalan Tidak Pernah Diturap (21 April 2016)